

SIFATKU PERUBAHAN DALAM TINGKAH LAKU MURID PRASEKOLAH

Oleh

Chuo Seng Chuan
ahchuan_88@yahoo.com

ABSTRAK

Pengurusan tingkah laku murid semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu aspek penting. Namun, apabila wujudnya tingkah laku yang negatif sedikit sebanyak telah mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini adalah untuk melihat sistem token dalam kawalan kelas. Ia adalah bertujuan untuk melihat keberkesanan dan bagaimana murid kelas pra Kelisa bertindak balas terhadap sistem token. Kumpulan yang disasarkan adalah murid kelas prasekolah Kelisa. Fokus yang ingin dilihat adalah bagaimana murid prasekolah berubah sikap dan tingkahlaku mereka ketika guru sedang mengajar. Ia bertujuan untuk mengawal murid yang bermasalah. Saya telah mengajar di prasekolah Kelisa dan melihat masalah mengganggu rakan, bergaduh dan tidak menumpukan perhatian semasa guru sedang mengajar telah ditunjukkan di prasekolah ini. Jadi saya melaksanakan sistem token untuk melihat adakah murid pra Kelisa akan berubah menjadi lebih baik. Daripada pelaksanaan sistem token, didapati murid-murid telah menunjukkan perubahan dan pengajaran dan pembelajaran boleh berjalan dengan lebih lancar.

Kata kunci : tingkah laku negatif, gangguan proses pembelajaran dan pengajaran, kawalan kelas, sistem token, perubahan tingkah laku

ABSTRACT

Management of student behavior while teaching and learning was one of an important aspect in preschool teaching. However, when there was a negative behavior to some extent it has affected the teaching and learning process. This study was to see the effectiveness of teaching using token in class control. It was intended to determine the effectiveness and how preschooler, in Kelisa class responded to token system. The target group was preschoolers in a class, Kelisa. This study was to see how the preschoolers changed their attitudes and behavior when their teacher was teaching. It aimed to control the problematic students. I have taught in this preschool, the class called Kelisa and saw the problem of interference with friends, fighting and not concentrating when the teacher was teaching. Therefore, I implemented the token system to see whether students of the class Kelisa will change for the better. From the implementation of the token system, it was found out that the students have shown changes in behavior and teaching and learning can run more smoothly.

Key word : negative behavior, disruption of learning and teaching process, classroom control, token systems, behavior change

PENGENALAN

Konteks

Dalam kajian ini, saya menumpukan kepada masalah tingkah laku negatif di kalangan murid-murid prasekolah. Murid tidak berminat untuk Sains. Oleh yang demikian, saya telah mengkaji dan justeru memilih satu strategi pembelajaran yang bersesuaian untuk meningkatkan minat dan semangat ingin belajar di kalangan murid. Strategi yang telah dipilih untuk kajian ini adalah pembelajaran visual iaitu para murid menerima isi pelajaran dalam kelas dengan berpandukan bahan-bahan visual yang menarik dan merangsangkan.

Refleksi Pembelajaran dan Pengajaran

Saya sentiasa menghadapi masalah kawalan kelas di prasekolah. Kanak-kanak di prasekolah adalah terlalu aktif dan ini menyebabkan kawalan kelas saya lemah. Selain itu, saya juga tidak cukup tegas dan kanak-kanak tidak takut kepada saya dan mereka berani untuk membuat kerja lain semasa pengajaran dan pembelajaran yang saya jalankan. Kawan mereka juga adalah punca kawalan kelas kerana mereka yang bosan dengan pembelajaran akan mengganggu rakan lain yang ingin belajar.

Saya memilih teknik ganjaran kerana ia adalah bersesuaian dengan kanak-kanak yang dikatakan sangat materialistik. Kanak-kanak suka untuk mendapat pujian atau mendapat hadiah dan mereka akan menunjuk-nunjuk di hadapan kawan yang lain. Ini turut membantu dalam kawalan kelas kerana murid yang berkelakuan baik sahaja yang akan mendapat hadiah dan pujian. Kanak-kanak mempunyai ego yang sangat tinggi. Oleh sebab itu, mereka akan berubah supaya mereka tidak akan kalah kepada kanak-kanak yang lain justeru membawa kepada kelakuan yang diingini.

FOKUS KAJIAN

Walaupun terdapat pelbagai masalah yang ada di prasekolah, namun saya ingin memfokuskan kepada penggunaan sistem token untuk mengawal tingkah laku kanak-kanak. Saya menggunakan sistem token untuk mengubah cara tingkah laku mereka. Di prasekolah, ada murid yang suka bermain dan tidak mahu mendengar arahan yang diberikan dan ini telah mengganggu proses pembelajaran.

Objektif Kajian

Objektif kajian terbahagi kepada dua iaitu objektif umum dan juga objektif khusus. Selain itu, di sini juga akan menerangkan tentang soalan kajian yang telah disediakan.

Objektif Umum

Mengurangkan masalah murid yang mempunyai masalah tingkah laku negatif untuk mengalakkan persaingan dan pembelajaran yang lebih sihat.

Objektif Khusus

Saya menjalankan kajian ini untuk mencapai objektif berikut :-

- i. Untuk membolehkan semua murid duduk bersama dan mewujudkan satu suasana pembelajaran yang kondusif.
- ii. Untuk membolehkan kanak-kanak prasekolah menyemai tingkah laku yang positif dalam diri mereka.

Soalan Kajian

Saya mempunyai kerisauan berdasarkan soalan kajian saya seperti yang berikut :-

- i. Adakah sistem token dapat menyelesaikan masalah kawalan kelas?
- ii. Adakah sistem token dapat mengubah tingkah laku negatif di kalangan kanak-kanak?
- iii. Adakah sistem token lebih berkesan daripada memberi nasihat dan penegasan kepada kanak-kanak untuk berkelakuan baik?

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pelan Tindakan

Saya telah merancang pelan tindakan saya supaya saya dapat melaksanakan kajian saya mengikut perancangan. Saya membuat pelan tindakan supaya saya akan mengetahui proses perjalanan kajian yang saya lakukan dan juga mengetahui setakat mana sudah saya menjalankan kajian saya.

Perancangan

Saya mengaplikasikan teknik ganjaran saya dalam aktiviti muzik yang diajar oleh saya. Pada waktu muzik, murid adalah cenderung untuk bermain dengan rakan mereka kerana aktiviti mereka melibatkan pergerakan dan kerjasama daripada semua pihak. Dengan itu, murid akan mengambil peluang untuk bermain dan tidak mahu melakukan aktiviti. Saya telah dapat mengawal kelakuan mereka dengan menggunakan teknik ganjaran dan saya dapat menyampaikan semua pengajaran yang ingin saya sampaikan. Dalam pelaksanaan slot, saya ambil tindakan yang berikut:

Set induksi

Sebelum memulakan pengajaran, saya telah menceritakan tentang apa yang akan dibuat oleh saya. Saya juga memberitahu kanak-kanak tentang sistem token yang dijalankan dan setelah habis sesi pengajaran pada minggu tersebut, ganjaran diberikan kepada murid yang mempunyai tingkah laku yang diingini dan juga yang mempunyai token yang diberikan.

Pengumpulan Idea

Kanak-kanak senang dipengaruhi oleh rakan sebaya mereka. Jadi, gangguan-gangguan ini telah menyebabkan kelancaran perjalanan kelas terganggu apabila ramai kanak-kanak yang dipengaruhi oleh kanak-kanak yang tidak membuat aktiviti mengikut arahan. Oleh itu, saya telah mengumpul idea melalui sesuatu aktiviti yang dijalankan bagi melihat kanak-kanak yang diajar oleh saya itu dapat melakukan mengikut arahan dan tidak mengganggu rakan yang lain. Kanak-kanak yang tidak terlibat aktif dengan aktiviti yang dijalankan telah diberitahu bahawa mereka tidak

akan mendapat token jika tidak berkelakuan baik dan tidak mengambil acara dengan baik dalam aktiviti yang dijalankan.

Penyusunan Semula Idea

Untuk bahagian penyusunan semula idea, saya telah membuat pelbagai aktiviti berasaskan tahap perkembangan kanak-kanak dan minat mereka. Bagi mereka yang mempunyai tingkah laku yang tidak diingini, saya telah memberi penegasan dan apabila kelakuan yang mereka tunjukkan adalah kelakuan yang diingini maka pujian dan token diberikan. Selepas satu hari mengajar, kanak-kanak yang mempunyai kelakuan yang diingini telah diberi dengan hadiah atau pujian di hadapan kelas.

Aplikasi Idea

Aktiviti yang saya rancang adalah aktiviti kelas dan juga aktiviti berkumpulan. Semua murid telah melakukan aktiviti bersama dan kemudian dibahagikan kepada kumpulan kecil. Aktiviti kelas adalah aktiviti tarian dan aktiviti kumpulan adalah aktiviti nyanyian. Rasional aktiviti ini adalah untuk melihat kelakuan murid dan juga mereka akan mempunyai kerjasama yang baik dan aktiviti begini senang untuk melihat kelakuan murid yang baik dan yang tidak akan bekerjasama tetapi mengganggu rakan lain semasa melakukan aktiviti.

Penutup

Dalam bahagian penutup, saya telah bertanya tentang apa yang dipelajari dan keseronokkan pembelajaran. Saya telah menyanyi bersama murid sekali lagi untuk menunjukkan kefahaman mereka dan juga menunjukkan apa yang diajar diterima oleh mereka. Selepas itu, ganjaran diberikan kepada kanak-kanak dan kanak-kanak yang tidak mendapat ganjaran telah diberitahu kenapa mereka tidak mendapat ganjaran.

METODOLOGI

Peserta kajian

Kumpulan kajian saya disarankan kepada kanak-kanak Prasekolah Kelisa S.K Tuah (bukan nama sebenar) yang terdiri daripada 25 orang kanak-kanak berusia enam tahun dan lima tahun. Saya memfokuskan kepada beberapa orang murid yang mempunyai masalah tingkah laku negatif. Saya cuma memfokuskan kajian saya ke atas murid-murid yang mempunyai masalah tingkah laku yang negative kerana mereka perlukan perubahan dan murid yang mempunyai tingkah laku yang positif akan diberi penegasan untuk memberi dorongan kepada mereka supaya akan dapat meneruskan tingkah laku yang positif.

Etika penyelidikan

Sebelum saya menjalankan kajian penyelidikan di sekolah, saya telah menghasilkan satu kertas cadangan untuk memohon kebenaran daripada pihak sekolah untuk menjalankan kajian tersebut. Permohonan ini adalah bertujuan sebagai satu pemberitahuan kepada pihak sekolah supaya tidak mengganggu aktiviti harian di sekolah.

TEKNIK MENGUMPUL DATA

Pemerhatian

Pemerhatian dalam kajian ini akan dijalankan dalam pelbagai jenis kaedah seperti senarai semak dan rekod anekdot. Pemerhatian ini akan saya jalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran muzik dijalankan terhadap para murid. Saya akan memerhati murid yang mempunyai tingkah laku negatif.

Senarai semak tingkah laku

Saya akan menyediakan senarai semak untuk setiap sesi pembelajaran dan pengajaran muzik. Ini adalah untuk mencatat tingkah laku yang ditunjukkan oleh murid dan melihat keberkesanan sistem token.

Triangulasi maklumat dikumpul

Triangulasi digunakan untuk mengesahkan hasil dapatan dan keputusan penyelidikan yang dijalankan secara kualitatif. Tujuan triangulasi adalah untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif iaitu dengan mendapatkan data daripada punca yang berbeza.

Triangulasi model

Terdapat dua jenis model yang telah saya menggunakan untuk kajian ini iaitu model Stephen Kemmis dan juga model McKernan. Kedua-dua jenis model ini adalah umum dan biasa digunakan oleh para penyelidik dalam kajian mereka. Saya telah memilih dua model ini kerana kedua-dua model tersebut adalah sesuai digunakan untuk menjalankan kajian saya dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Model Stephen Kemmis adalah merangkumi 4 langkah yang utama iaitu perancangan, bertindak, memerhati dan refleksi. Model ini merangkumi dua kitaran supaya maklumat yang diperoleh adalah lebih tepat. Selain itu, model McKernan telah meliputi 6 langkah yang utama iaitu kenal pasti masalah, peninjauan, menentukan fokus kajian, perancangan pelaksanaan, penilaian refleksi dan membuat keputusan.

Triangulasi kaedah

Terdapat dua kaedah alat pengumpulan data, iaitu pemerhatian dan senarai semak yang digunakan oleh saya. Penggunaan kedua-dua kaedah ini akan saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Penggunaan semua kaedah tersebut merupakan bahagian daripada proses triangulasi yang dapat menghasilkan dapatan kajian yang lebih tepat dan meyakinkan tentang konsep yang dikaji.

ANALISIS DATA

Analisis senarai semak

Berdasarkan senarai semak yang dilakukan, saya mendapati bahawa banyak perubahan tingkah laku yang berlaku ke atas murid saya. Senarai semak yang pertama dan senarai semak yang terakhir menampakkan perubahan yang berlaku pada tingkah laku murid yang diajar oleh saya melalui sistem token.

Jadual 1- Kali pertama tanpa sistem token

Bil	kelakuan	Bilangan murid
1.	Mengganggu rakan semasa aktiviti	6
2	Tidak mahu menjalankan aktiviti yang disediakan	2
3.	Mengganggu kibod semasa pengajaran	2
4.	Bergaduh dengan rakan	4


Jadual 2 - Kali ketiga dengan sistem token

Bil	kelakuan	Bilangan murid
1.	Mengganggu rakan semasa aktiviti	2
2	Tidak mahu menjalankan aktiviti yang disediakan	0
3.	Mengganggu kibod semasa pengajaran	0
4.	Bergaduh dengan rakan	0

Analisis Graf


Pada mulanya, terdapat 14 orang murid yang mempunyai tingkah laku yang negatif. Ini dapat dilihat melalui graf 1 di bawah. Melalui analisis graf 1 di bawah, boleh dilihat bahawa tingkah laku negative yang ada pada murid prasekolah saya adalah mengganggu rakan semasa aktiviti, tidak mahu menjalankan aktiviti yang disediakan, mengganggu kibod semasa pengajaran dan bergaduh dengan rakan.

Graf 1- Tingkah laku murid sebelum penggunaan sistem token dalam pembelajaran dan pengajaran.




Selepas penggunaan sistem token, tingkah laku mula hilang dalam diri murid prasekolah iaitu semakin sedikit murid yang menunjukkan tingkah laku negatif. Ini telah ditunjukkan di graf 2 iaitu hanya 2 orang sahaja yang masih mempunyai tingkah laku yang negatif. Tingkah laku yang lain telah tidak ditunjukkan dalam graf terakhir selepas sistem token dilaksanakan kecuali tingkah laku mengganggu rakan semasa aktiviti masih ditunjukkan oleh dua orang murid..

Graf 2 - Tingkah laku selepas sistem token



Graf 3 telah menunjukkan perubahan tingkah laku yang berlaku di dalam kelas prasekolah yang diajar selepas saya menggunakan kaedah sistem token. Perubahan ini diambil dalam masa empat minggu untuk melihat perubahan yang berlaku pada murid saya.

Graf 3 - Perubahan tingkah laku



DAPATAN KAJIAN

Melalui data yang dikumpul sebelum dan selepas mengaplikasikan sistem token dalam pengajaran saya, murid-murid telah mula menunjukkan perubahan tingkah laku dalam diri mereka. Melalui sistem token, murid-murid telah menunjukkan minat dan perhatian kepada apa yang diajar oleh saya. Oleh

REFLEKSI

Refleksi dapatan kajian

1. Adakah sistem token dapat menyelesaikan masalah kawalan kelas?
Ya. Melalui graf yang ditunjukkan, perubahan tingkah laku telah wujud di kalangan murid prasekolah. Ini menunjukkan sesuatu yang baik iaitu murid prasekolah yang berubah tingkah laku kepada tingkah laku positif adalah lebih senang untuk dikawal.
2. Adakah sistem token dapat mengubah tingkah laku negatif di kalangan kanak-kanak?
Ya. Melalui pemerhatian pada graf ketiga, murid yang mempunyai tingkah laku yang berkenaan mula menurun mengikut kadar orang. Semakin sedikit murid yang menunjukkan tingkah laku negatif selepas penggunaan sistem token.

Refleksi penilaian tindakan

Selepas kajian penyelidikan ini dijalankan, saya mendapat banyak ilmu baru. Dalam kajian tindakan, saya telah mengkaji tentang kanak-kanak prasekolah yang mempunyai tingkah laku yang tidak diinginkan seperti mengganggu rakan semasa aktiviti berjalan, tidak mendengar arahan dan bergaduh semasa aktiviti dijalankan.

Menurut Atkinson (1990), tingkah laku bermasalah merupakan tingkah laku yang terkeluar daripada kehendak, norma-norma dan nilai sesuatu masyarakat. Tingkah laku bermasalah boleh merangkumi tingkah laku destruktif, tingkah laku disruptif, pergantungan berlebihan, tingkah laku kebimbangan, tingkah laku pengunduran diri dan tingkah laku pengasingan diri. Tingkah laku bermasalah ini akan menjadi lebih berbahaya sekiranya ianya melibatkan klik yang mana akhirnya akan mengakibatkan keganasan sekiranya tidak dibendung dengan lebih awal.

Saya memilih kajian tingkah laku kerana penjagaan tingkah laku adalah penting dan ia akan membentuk siasah seorang murid. Selain itu juga, saya memilih kajian ini kerana kawalan kelas saya adalah lemah untuk kanak-kanak yang nakal dan sukar untuk dikawal. Jadi saya telah gunakan teori Burrhus F. Skinner iaitu makhluk hidup mempunyai pilihan untuk bertindak balas atau tidak berasaskan kepada ganjaran yang disediakan. Dalam teori Burrhus F. Skinner terdapat dua penguatan iaitu penguatan positif dan negatif.

Teori ini telah menyatakan bahawa makhluk hidup akan bertindak balas dan saya merasakan bahawa kanak-kanak yang berada di bawah jagaan saya akan berubah untuk menunjukkan tingkah laku yang diinginkan berdasarkan sistem token yang digunakan oleh saya.

Refleksi pembelajaran sendiri

Menerusi kajian tindakan yang telah dijalankan, saya telah mempelajari banyak ilmu baru tentang kawalan kelas dan cara mengubah tingkah laku kanak-kanak. Selain itu juga, untuk meningkatkan keberkesanan sistem token, saya juga perlu menjadi lebih kreatif dan mengubah cara pengajaran saya supaya dapat menarik minat murid untuk mempelajarinya. Jika hanya bergantung kepada sistem token dan pembelajaran dan pengajaran adalah membosankan, maka murid juga tidak dapat dikawal kerana mereka tidak menyukai pembelajaran yang berlaku.

Alberto & Troutman (1986) telah mentafsirkan pengurusan bilik darjah sebagai kemahiran guru menguruskan masa, ruang, sumber pembelajaran, peranan dan tingkah laku murid dalam menyediakan suatu iklim yang sesuai untuk pembelajaran. Jadi, pengurusan bilik darjah perlu dilihat sebagai bidang yang sangat luas.

Pada pendapat saya, sebagai seorang pendidik mesti peka terhadap isu atau masalah yang berlaku di kalangan murid. Seseorang guru tidak boleh mementingkan diri sendiri dan mengabaikan keperluan murid-murid. Guru perlu mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam mengesan masalah pembelajaran yang wujud pada kalangan murid dan seterusnya merancang penyelesaian terhadap masalah tersebut.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Pada kajian tindakan yang telah dibuat oleh saya pada kali ini, saya mendapati terdapat kelemahan dan kelebihan di dalam kajian tindakan ini. Kelemahan yang wujud adalah murid-murid akan menjadi materialistik dan mungkin akan mengharapkan untuk mendapatkan sesuatu apabila mereka melakukan sesuatu yang baik.

Selain itu juga, penggunaan sistem token memerlukan jangka masa yang lama untuk mengubah tingkah laku kanak-kanak. Ini kerana apabila tingkah laku yang diingini tidak mendapat token atau hadiah, maka kanak-kanak akan tidak mengamalkan tingkah laku yang diingini. Jadi penggunaan sistem token memerlukan jangka masa yang panjang supaya semua kanak-kanak akan merasa selesa dengan tingkah laku mereka dan biasa dengan tingkah laku dan akan mengekalkan tingkah laku tersebut. Jadi untuk kajian yang akan datang, saya akan menggunakan masa yang lebih panjang untuk menjalankan kajian tindakan saya untuk melihat keberkesanan sistem token dalam prasekolah.

RUJUKAN

Alberto, P.A. Troutman, A.C. (1986). *Applied Behaviour Analysis for Teachers. United States of America: Wadsworth Publishing Company.*

Adiealzam (2010, Ogos 10). Pengurusan Bilik Darjah yang Berkesan. Diambil pada 2012, March 12 dari Scribd laman web: <http://www.scribd.com/doc/38984427/Pen-Gurus-An-Bilik-Darjah-Yang-Berkesan>

Good, Carter V (1945). *Dictionary of Education*. New York: McGraw-Hill Book Company.

Haji Samsudin bin Md Noor. Pengurusan Bilik Darjah Dinamik : Ke Arah Pembinaan Modal Insan Berkualiti. Diambil pada 12.03.2012 dari <http://uhemppdsdk.myeducare2u.com/bahan/PengurusanBilikDarjah.pdf>

Haliza Hamzah dan Joy Nesamalar Samuel (2008). Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku. Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Oxford Fajar Sdn.Bhd.

Nordin Mamat.(2005).Asas Sosial Kanak-kanak.Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn Bhd.

Prof Madya Dr.Rohani Abdullah,Nani Menon & Mohd Sharani Ahmad.(2004). Panduan Kurikulum Pra Sekolah.Universiti Putra Malaysia : PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.

Richard Todd (1998). *Classroom Teaching Strategies*. London, England: Prentice Hall.

Rob Barnes (2006). *The Practical Guide to Primary Classroom Management*. London, England: Paul Chapman Publishing.

Rohani Abdullah.(2001).Perkembangan Kanak-kanak Penilaian Secara Portfolio. Universiti Putra Malaysia : Penerbit UPM.

Saayah Ramli.(2008).Menjadi Guru Tadika.Batu Caves,Selangor : PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.

Tiwi Binti Kamidin (2004). Pendekatan Sistem Mentor dalam Pengurusan Tingkah Laku Bermasalah. Jurnal Penyelidikan MPBL, Jilid 5, 55-64.